

Headline	Kerja pembinaan, selenggara perlu dihentikan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Mar 2020	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	13	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	172 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,900
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,700



## Kerja pembinaan, selenggara perlu dihentikan

**Kuala Lumpur:** Semua kerja pembinaan dan penyelenggaraan dalam sektor pembinaan perlu dihentikan kecuali kerja kritikal sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan sehingga 31 Mac ini.

Dalam kenyataan dikeluarkan Kementerian Kerja Raya, pengecualian hanya diberi kepada kerja kritikal yang jika tidak diteruskan, boleh mendatangkan bahaya atau kemudaratan kepada pekerja, orang awam atau persekitaran.

Katanya, pengecualian itu bagaimanapun perlu terlebih dulu mendapat syor daripada pegawai penguasa atau pengarah projek bagi projek kerajaan dan jurutera residen atau orang utama yang mengemukakan (PSP) bagi projek swasta.

"Contoh kerja kritikal yang boleh mendapat pengecualian ialah pembaikan cerun, penampalan lubang di bawah tanah, Pusat Pemantauan Trafik (TMC), pemeriksaan berkala dan pembaikan lif, eskalator, peralatan mekanikal dan elektrik kritikal termasuk yang rosak serta pembaikan lampu trafik.

"Selain itu, kerja penyenggaraan dan naik taraf fasiliti di premis perkhidmatan kritikal, pembinaan jambatan Bailey di lokasi jambatan roboh, kerja kecemasan yang termaktub dalam perjanjian kontrak dan kerja lain yang jika tidak disempurnakan boleh mendatangkan bahaya turut dikecualikan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Pada masa sama, kenyataan itu berkata, selepas mendapat syor, permohonan pengecualian perlu diserahkan kepada pihak yang mempunyai kuasa memberikan kebenaran itu berdasarkan bidang kuasa masing-masing.

Katanya, mereka ialah Ketua Pengarah Kerja Raya, Pengarah Kerja Raya Sabah, Pengarah Kerja Raya Sarawak, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) atau pihak berkuasa negeri.

"Bagi projek pembinaan dan penyelenggaraan yang dihentikan, kontraktor tidak boleh membuat sebarang tuntutan kepada kerajaan atau dipertanggungjawabkan atas kerugian dialami kerana penyebaran wabak ini di luar kawalan," katanya.

Katanya, untuk sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi talian hotline di 010 5619069 atau 011 29220709 (Unit Aduan Industri) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia, dari jam 8 pagi hingga 5 petang.